

Lelaki mengaku miliki syabu didenda RM3,900

MIRI: Seorang lelaki didenda RM3,900 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah ter-tuduh yang telah menjimatkan masa dan kos mahkamah, rayuan, keterangan kes, kes-eriusan kes serta mengambil kira kepentingan awam.

Awang Zainol Asri Awang Chek, 45, dari Piasau Jaya Fasa 2 di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.85 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung di dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 5 petang, 3 Ogos lalu di belakang rumahnya di Piasau Jaya Fasa 2 di sini.

Pendakwaan kes dikendalikan ASP Mary Ong, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.